

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8210**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah alasan Himpunan Maruah Melayu (Himpunan Rakyat Bersatu) pada 16 September 2015 diberikan permit polis sedangkan Perhimpunan Bersih 4.0 tidak diluluskan permit dan apakah hasil siasatan kekecohan peserta dan polis di Jalan Petaling, Kuala Lumpur semasa perarakan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kerajaan tidak pernah menghalang sebarang perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak selagi perhimpunan tersebut memenuhi kehendak yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau kententeraman awam.**

**Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.**

**Pihak Polis tidak membenarkan Perhimpunan BERSIH 4 diadakan atas sebab tidak mematuhi dan memenuhi kehendak Akta berkenaan kerana pihak penganjur telah enggan memindahkan tempat berhimpun dan bertegas untuk mengadakannya di lokasi yang tidak dibenarkan serta lokasi tersebut tidak mendapat persetujuan daripada pemilik premis atau tempat berkenaan.**

**PDRM telah menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti serta menggunakan segala peruntukan undang-undang sedia ada bagi mendakwa pihak-pihak berkenaan**

selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada atas kesalahan yang dilakukan semasa Himpunan Rakyat Bersatu diadakan.

Lanjutan itu, sebanyak 26 laporan polis diterima dan 15 kertas siasatan (*Investigation Paper* - IP) telah dibuka bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta sehingga 17 September 2015 seperti berikut:-

BIL	KESALAHAN	JUMLAH IP
1	Seksyen 505B KK – kenyataan yang mendatangkan khianat awam	1
2	Seksyen 147/427 KK – Merusuh dan bencana	1
3	Seksyen 148 KK – merusuh dengan senjata	1
4	Seksyen 143/186 KK – perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan menghalang penjawat awam menjalankan tugas	1
5	Seksyen 353 KK – mendatangkan cedera kepada penjawat awam	3
6	Seksyen 15(2) APA 2012 – langgar syarat perhimpunan	1
7	Seksyen 379A – curi motosikal	1
8	Seksyen 4(2) (f) APA 2012 – bawa kanak-kanak semasa dalam perhimpunan	3
9	Seksyen 7(1) ABKSB - memiliki senjata	1
10	Seksyen 380 KK 1958 – curi dalam bangunan	1
11	Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan – kata-kata menghasut	1
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>15</b>

\* KK – Kanun Keseksaan

\*\* APA – Akta Perhimpunan Aman 2012

\*\*\* ABKSB – Akta Bahan Kakisan dan Senjata Berbahaya 1958

**PDRM juga sedang menyiapkan kertas-kertas siasatan berkaitan untuk dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk nasihat dan arahan lanjut.**